



KENYATAAN TAWARAN TENDER

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar di Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) / Kementerian Kewangan, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:-

BIL	TAJUK KERJA
1	No. Tender : MPK/BGN/600-5/10/0001(2023) KERJA-KERJA PENYIAPAN BAGI DEWAN KONVENSYEN BUKIT RAJA, MAJLIS PERBANDARAN KLANG DI JALAN RODAT 6/6A, BANDAR BUKIT RAJA, SELANGOR DARUL EHSAN.

TARAF TENDER & SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT TAWARAN TUTUP
BERDAFTAR DENGAN CIDB GRED G7 & PENGKHUSUSAN B04 & SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) OLEH CIDB & BERDAFTAR DENGAN E-TENDER SELANGOR & UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI & Mempunyai Sijil Kontraktor Penyiap oleh Kementerian Kerja Raya (KKR)	MULAI : 24/3/2023 (JUMAAT) Penjualan secara manual di Bahagian Ukur Bahan, Majlis Perbandaran Klang TARIKH TAKLIMAT: 22/3/2023 (RABU) JAM: 10.00 PAGI TEMPAT: MINI AUDITORIUM, PEJABAT CAWANGAN JALAN TENGGU KELANA & TAPAK BINA (WAJIB) *Petender digalakkan untuk membuat lawatan tapak selepas taklimat *Petender yang tidak menghadiri taklimat tidak layak untuk menyertai Tender.	TARIKH TUTUP : 14/04/2023 (JUMAAT) JAM : 12.00 TENGAH HARI Bahagian Ukur Bahan, Tingkat 1, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana (Pusat Sumber) Lot 175, Jalan Tengku Kelana, 41000 Klang Selangor Darul Ehsan Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan.

SYARAT-SYARAT :-

1. Setiap dokumen Tender dijual dengan harga **RM 700.00** di kaunter Bahagian Ukur Bahan. Pembayaran dibuat secara tunai dan dokumen tender akan dikeluarkan kepada Syarikat yang sah sahaja. Untuk maksud ini, Pihak Syarikat dikehendaki membawa perakuan / sijil ASAL Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Perakuan Pendaftaran Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) dan Sijil Taraf Bumiputra (STB) (jika berkenaan) berserta satu salinan sijil-sijil tersebut.
2. Dokumen meja tawaran dipamerkan mulai **24 MAC 2023** di **Bahagian Ukur Bahan**.
3. Hanya Penama di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK - CIDB) yang boleh menghadiri taklimat / lawatan tapak.
4. Petender dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran ASAL - Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK - CIDB), kad pengenalan dan Cop Syarikat semasa hari taklimat / lawatan tapak
5. Dokumen Tender yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam SAMPUL SURAT BERLAKRI dan dimasukkan ke dalam Peti tender seperti tertera di maklumat Tender.
6. Tender ini diberi keutamaan kepada syarikat yang memiliki Sijil Keputusan Pemarkahan Qlassic oleh CIDB (markah 70 minimum) dan mempunyai pengalaman membina bangunan hijau (Green Building) yang diiktiraf oleh badan yang berkaitan.
7. Petender yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.
8. Petender perlu mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam Arahan Kepada Petender dan Syarat-syarat Membuat Tender di dalam Dokumen Tender sebelum mengemukakan Tender. Jika dokumen Tender yang dikemukakan didapati tidak mematuhi syarat-syarat tersebut, Dokumen itu akan ditolak tanpa pertimbangan seterusnya.
9. Dokumen Tender yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan, berbangkit dengan apa jua sebab yang mungkin boleh dikemukakan, akan ditolak dan tidak dipertimbangkan.
10. Tarikh akhir penjualan Dokumen Tender adalah pada **13 APRIL 2023**. Dokumen Tender tidak akan dikeluarkan selepas dari waktu tersebut. Sebarang pertanyaan sila hubungi **BAHAGIAN UKUR BAHAN** di talian 03-3375 8012.
11. Sebarang pertanyaan berkaitan spesifikasi kerja dan lokasi tapak boleh menghubungi Puan Nurdina Bt Shamsuri ditalian 03-3375 7819.

Disediakan oleh :

BAHAGIAN UKUR BAHAN
MAJLIS PERBANDARAN KLANG